



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGARUH SOSIOEKONOMI PEKEBUN KECIL GETAH  
TERHADAP PENOREHAN DI NEGERI SELANGOR**

**AB WAHID BIN ALI**

**FEP 1998 3**

**PENGARUH SOSIOEKONOMI PEKEBUN KECIL GETAH  
TERHADAP PENOREHAN DI NEGERI SELANGOR**

**Oleh**

**AB WAHID BIN ALI**

**Tesis Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk  
Ijazah Master Sains di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia**

**Mac 1998**



## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala Puji bagi Allah, Tuhan Seluruh Alam. Selawat dan Salam untuk junjungan kita Nabi Muhamad S.A.W. beserta keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang setia. Pertama sekali penulis memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Allah S.W.T. yang telah merahmati makhlukNya dan mengizinkan penulis membuat dan menyiapkan tesis ini.

Penghargaan dan ribuan terima kasih ditujukan kepada Profesor Dr Mohd Ghazali bin Mohayidin, Pengerusi Jawatankuasa Penyelia tesis. Ketabahan beliau dalam membimbing, memberi galakan, panduan dan teguran yang membina semasa penulis menyediakan tesis ini sangat bernilai dan sangat-sangat dihargai.

Ribuan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelia iaitu Profesor Madya Dr Mad Nasir Shamsudin dan Profesor Madya Dr Zainal Abidin Mohammad yang telah meluangkan masa dan kepakaran mereka yang berharga itu untuk memberi nasihat dan panduan kepada penulis semasa menyediakan tesis ini.

Penulis juga merakam penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih kepada Ketua Pengarah RISDA yang telah meluluskan cuti belajar dan selanjutnya membiayai pengajian penulis. Terima kasih kepada Pengarah RISDA Negeri Selangor, Pegawai-pegawainya dan kakitangannya yang telah memberi kemudahan dan membantu semasa penulis membuat kajiselidik untuk menyiapkan tesis ini.

Tidak dilupai terima kasih kepada isteri yang dicintai, Faridah, anak-anak yang disayangi, Muhammad Farid, Muhammad Fadhil, Fadhlil dan Farzana yang telah memberikan inspirasi dan mengorbankan masa untuk bersama serta memberi peluang untuk saya menyiapkan tesis ini.

Akhirnya terima kasih kepada rakan-rakan dan semua pihak yang telah memberi kerjasama, bantuan, galakan dan nasihat untuk membolehkan penulis menyiapkan tesis ini.

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vi
SENARAI GAMBARAJAH .....	viii
SENARAI ISTILAH .....	ix
ABSTRAK .....	xiv
ABSTRACT .....	xvi

### BAB

<b>1</b>	<b>Pengenalan</b> .....	<b>1</b>
	Industri Getah Di Malaysia .....	1
	Ciri-ciri Dualisme .....	7
	Pembangunan Sektor Pekebun Kecil Getah .....	12
	Pekebun Kecil Getah Negeri Selangor .....	19
	Pernyataan Masalah .....	20
	Objektif Kajian .....	22
<b>2</b>	<b>ULASAN KARYA TERPILIH</b> .....	<b>23</b>
	Arahaliran Perkembangan Perusahaan Getah Malaysia .....	23
	Keluasan Bertanam Getah Semenanjung Malaysia .....	23
	Pengeluaran .....	24
	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengeluaran Getah .....	25
	Pembolehubah Dami Sebagai Pembolehubah Bersandar .....	28
	Regresi .....	30
	Diskriminan .....	31
	Analisis Faktor .....	33
	Teori Kelakuan .....	35
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b> .....	<b>40</b>
	Teori Rangka Kerja .....	40
	Analisis Data .....	44
	Pembolehubah Diskret .....	44
	Pembolehubah Selanjar .....	47
	Simulasi .....	48
	Pengumpulan Data .....	49
	Persampelan .....	50
	Soalselidik dan Pembanci .....	51



4	<b>KEPUTUSAN</b> .....	53
	Analisis Probit .....	53
	Umur Pekebun Kecil (UMPE) .....	55
	Lama Dapat Pendidikan Formal (LDPF) .....	56
	Bilangan Isi Rumah Membantu di Kebun (IRBK) .....	57
	Anggapan Berkebun Getah Sebagai Pekerjaan Utama .....	58
	Pendapatan Selain Dari Getah (DPSG) .....	62
	Luas Kawasan Getah (LKGT) .....	64
	Bilangan Pemilik Kebun (BPEM) .....	65
	Umur Pokok Getah (UPKG) .....	66
	Jarak Kebun Dari Rumah (JKDR) .....	68
	Kemudahan Jalan Sampai ke Kebun (KJSK) .....	69
	Persetujuan Mengupah Orang Lain Menoreh (SUOT) .....	69
	Luas Kawasan Getah Diusahakan (LUUS) .....	71
	Kegunaan Lot Kebun Dimasa Hadapan (LSKL) .....	73
	Kemahiran Menoreh (KMTO) .....	74
	Pengatahuan Terhadap Teknologi Penorehan (PTKT) .....	74
	Penyertaan Dalam Penorehan Berkelompok (TRKL) .....	75
	Subsidi Input Pertanian (SUBS) .....	76
	Kekerapan Bertemu Pegawai RISDA (TEMU) .....	78
	Penyertaan dalam aktiviti pengembangan (PENG) .....	79
	Getah Dibeli Oleh Koperasi Pekebun Kecil (KOBL) .....	80
	Persetujuan Anak-anak Menjadi Pekebun Kecil (PDGN) .....	81
	Kajian Lanjut Pembolehubah Diskret .....	82
	Pilihan Kumpulan-kumpulan Pekebun Kecil .....	85
5	<b>KESIMPULAN</b> .....	88
	Faktor-faktor Yang Berpengaruh Terhadap Penorehan .....	88
	Ciri-ciri Pekebun Kecil Dan Penorehan Di Kebun .....	90
	Implikasi Polisi .....	92
	Peningkatan Pendapatan dan Produktiviti .....	92
	Program Pengembangan .....	98
	Saranan Kepada Pihak-pihak Berkenaan .....	99
	<b>RUJUKAN</b> .....	100
	<b>LAMPIRAN</b> .....	104
	<b>VITA</b> .....	113

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Urusniaga Getah Asli Malaysia .....	5
2	Keluasan Tanaman Getah Malaysia Mengikut Sektor .....	6
3	Pengeluaran Getah Malaysia Mengikut Sektor .....	8
4	Purata Hasil Getah Semenanjung Malaysia .....	10
5	Harga Getah Dari Tahun 1991 – 1998 .....	11
6	Jenis Penyertaan Tanam Semula (TS) Semenanjung Malaysia Setakat 1992 .....	16
7	Tanam Semula Getah Pekebun Kecil Semenanjung Malaysia Setakat 1992 .....	17
8	Penorehan Sektor Pekebun Kecil Mengikut Negeri Tahun 1992 ..	18
9	Model Probit Bagi Penorehan Di Kebun Getah .....	54
10	Umur Pekebun Kecil .....	55
11	Kedudukan Penorehan Di Kebun .....	56
12	Taraf Pendidikan Pekebun .....	57
13	Bilangan Isi Rumah Membantu Di Kebun .....	58
14	Pekerjaan Utama Pekebun Kecil .....	59
15	Pengeluaran Dan Harga Getah Pekebun Kecil .....	60
16	Jenis Getah Keluaran Pekebun Kecil .....	61
17	Pendapat Pekebun Kecil Terhadap Harga Getah .....	62
18	Pendapatan Selain Dari Getah .....	63



19	Luas Kawasan Getah Milik Pekebun Kecil .....	64
20	Bilangan Pemilik Kebun .....	66
21	Umur Pokok Getah .....	67
22	Jarak Kebun Dari Rumah Pekebun Kecil .....	68
23	Kemudahan Jalan Sampai Ke Kebun .....	70
24	Persetujuan Mengupah Orang Lain Menoreh .....	71
25	Luas Kawasan Getah Diusahakan Oleh Pekebun Kecil .....	72
26	Kegunaan Lot Kebun Dimasa Hadapan .....	73
27	Kemahiran Menoreh .....	74
28	Pengetahuan Pekebun Terhadap Teknologi Penorehan .....	75
29	Penyertaan Torehan Berkelompok .....	76
30	Subsidi Input Pertanian .....	77
31	Kekerapan Pekebun Kecil Bertemu Pegawai RISDA .....	78
32	Penyertaan Pekebun Kecil Dalam Aktiviti Pengembangan RISDA	79
33	Pemasaran Getah Oleh Koperasi Pekebun Kecil (KPK) .....	80
34	Persetujuan Terhadap Kerjaya Anak-anak Sebagai Pekebun Kecil.	82
35	Kebarangkalian Dan Peratus Kemungkinan Kebun Getah Bertoreh Bagi Kumpulan-kumpulan Pekebun Kecil .....	87



## SENARAI RAJAH

### Rajah

### Muka Surat

1	Carta Pengeluaran Getah Asli Dunia, 1992 .....	3
---	--	---

## SENARAI ISTILAH

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>
Aksiom kelakuan	Behavioral axiom
Ambang	Threshold
Analisis Faktor	Factor analysis
Analisis Tabular	Tabular analysis
Anggaran	Estimate
Banci	Survey
Barang-barang pengguna	Consumer goods
Batasan-batasan	Constraints
Bertabur secara normal	Normally distributed
Ciri-ciri pembuat keputusan	Attributes of decision maker
Citarasa	Taste
Darjah kebebasan	Degree of freedom
Data primer	Primary data
Diingini	Desirable
Dilangkaui	Bypass
Diskriminan	Discriminant
Fungsi taburan kumulatif	Cumulative distribution function
Fungsi utiliti	Utility function

Getah Asap Berbunga	Ribbed Smoked Sheet (RSS)
Getah keping belum diasap	Unsmoked sheet (USS)
Implikasi polisi	Policy implication
Intensiti penorehan	Tapping intensity
Jangkaan utiliti	Utility expectation
Jeda	Interval
Julat	Range
Kadar yang berkurangan	Declining rate
Kajiselidik	Survey
Keadaan optima	Optimum condition
Kebarangkalian	Probability
Kebarangkalian bersyarat	Conditional probability
Kecenderungan memilih	Propensity to choose
Keertian	Significance
Keertian statistik	Statistical significance
Keluk normal piawai	Standard normal curve
Keputusan	Decision
Kerasionalan ekonomi	Economic rationality
Keutamaan	Preference
Klon Balak-lateks	Timber-latex clone
Kos berubah	variable cost
Kreteria	Criteria

Kualitatif	Qualitative
Kuasa dua terendah	Least squares
Lateks	Latex
Melintasi ambang	Crossing a threshold
Memaksimumkan fungsi kebolehdajian	Maximization of likelihood function
Memperingkatkan	Rank
Mendasari	Underlying
Menyisihkan	Bypass
Model bukan linear	Non-linear model
Model Ekonometrik	Econometric Model
Model kebarangkalian linear	Linear probability model
Model kelakuan	Behavioral model
Model kelakuan individu	Individual behavioral model
Model Logit bersyarat	Conditional Logit model
Model pilihan dedua	Binary choice model
Model regresi	Regression model
Muatan faktor	Factor loading
Nisbah kebarangkalian	Odds ratio
Optima	Optimum
Pekali	Coefficient
Pembetung	Culvert
Pembolehubah bebas	Independent variable

Pembolehubah bersandar	Dependent variable
Pembolehubah dami	Dummy variable
Pembolehubah dikotomi	Dichotomous variable
Pembolehubah pendam	Latent variable
Pembolehubah penjelas	Explanatory variable
Pembolehubah rawak	Random variable
Pembolehubah selanjar yang tersembunyi	Unobservable continuous variable
Pendekatan	Approach
Pendekatan ambang	Threshold approach
Penentuan pilihan	Choice determination
Penganggaran	Estimation
Persempelan	Sampling
Pertumbuhan	Growth
Pilihan dedua	Binary choice
Pilihan diskret	Discrete choice
Pilihan pengguna	Consumer choice
Purata hasil	Average yield
Rangka kerja	Frame work
Rawak	Random
Regresi	Regression
Realisasi dikotomi	Dichotomous realisation
Sebutan ralat	Error terms

Simetrik	Symmetric
Simulasi	Simulation
Soalselidik	Questionnaire
Struktur berdalil memaksimumkan utiliti	Postulated structure of utility Maximation
Taburan normal kumulatif	Cumulative normal distribution
Taburan populasi pilihan-pilihan	distribution of choices population
Teori kelakuan pilihan kualitatif	Qualitative choice behavioral theory
Teori kelakuan pilihan rational	Theory of rational choice behavior
Teori memaksimumkan utiliti	Utility maximization theory
Teori rangka kerja	Theoretical frame work
Tercerap	Observed
Torehan kekerapan rendah	Low intensity tapping
Ujian nisbah-t	t-ratio test
Ujian nisbah kebolehdjian	Likelihood ratio test
Varians	Variance

## **ABSTRAK**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah Master Sains.

### **PENGARUH SOSIOEKONOMI PEKEBUN KECIL GETAH TERHADAP PENOREHAN DI NEGERI SELANGOR**

Oleh

**AB WAHID BIN ALI**

**Mac 1998**

**Pengerusi :       Profesor Mohd Ghazali bin Mohayidin, Ph.D.**

**Fakulti :         Ekonomi dan Pengurusan**

Negeri Selangor telah mencatatkan kadar kebun getah tidak bertoreh yang tertinggi di Malaysia iaitu 49.1%. Keadaan ini telah menyebabkan sektor pekebun kecil kerugian kira-kira RM4 juta setahun. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang serta sikap dan tanggapan mereka, mengenalpasti dan menerangkan faktor-faktor penting yang mempengaruhi keputusan terhadap penorehan dan menyarankan tindakan yang boleh diambil oleh pihak yang bertanggungjawab bagi mengatasi masalah tersebut.

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan data primer dimana satu kajiselidik telah dijalankan terhadap 210 orang pekebun kecil di negeri Selangor. Analisis pula telah dijalankan dengan menggunakan model probit. Selanjutnya

simulasi terhadap pembolehubah diskret yang bererti dijalankan untuk mendapatkan kebarangkalian kebun getah milik sesuatu kumpulan pekebun kecil bertoreh.

Keputusan analisis mendapati 8 faktor-faktor yang mempunyai hubungan bererti terhadap keputusan penorehan di kebun. Faktor-faktor tersebut adalah tanggapan berkebun getah sebagai pekerjaan utama, subsidi input pertanian, kegunaan lot kebun dimasa hadapan, persetujuan mengupah orang lain menoreh, luas kawasan getah diusahakan, bilangan pemilik kebun, jarak kebun dari rumah dan pendapatan selain dari getah. Dari simulasi pembolehubah diskret pula didapati pekebun kecil yang mempunyai ciri-ciri pekerjaan utama berkebun getah, kebun disimpan untuk kegunaan lain, menyertai penorehan berkelompok dan mendapat subsidi input pertanian hampir pasti kebun getahnya bertoreh. Sementara pekebun kecil yang mempunyai ciri-ciri pekerjaan utama bukan berkebun getah, kebun akan dikekalkan bertanam getah, tidak menyertai penorehan berkelompok dan tidak mendapat subsidi input pertanian pula hampir pasti kebun getahnya tidak bertoreh.

Bagi mengatasi masalah penorehan di kebun kecil getah, pihak yang bertanggungjawab terhadap kemajuan pekebun kecil getah seperti RISDA disarankan supaya menggalakkan pekebun kecil menyertai kegiatan penorehan berkelompok dengan menjadikan pekebun kecil yang pekerjaannya utamanya bukan berkebun getah, tinggal berdekatan dengan kebun mereka dan pekebun kecil yang mengusahakan kebun getah dalam kadar yang luas sebagai kumpulan sasaran utama.



## **ABSTRACT**

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

### **THE INFLUENCE OF RUBBER SMALLHOLDERS SOCIOECONOMIC TO THE TAPPING IN SELANGOR**

By

**AB WAHID BIN ALI**

**March 1998**

**Chairman : Professor Mohd Ghazali bin Mohayidin, Ph.D.**

**Faculty : Economic and Management**

The state of Selangor has recorded the highest rate of untapped rubber trees that is 49.1%. This has caused a loss of RM 4 million a year to the smallholders sector. Therefore this research was being carried out to get the information on the small holders background as well as their attitude and perception, and to explain the important factors that influenced the decision on tapping and to suggest the action to be taken by the relevant authority to overcome this problem.

The research was carried out using primary data whereby an analysis had been done on 210 smallholders in the State of Selangor. The analysis was carried out using the Probit Model. Furthermore a simulation on the significant discrete variable was carried out to get the probability of a rubber holding owned by a certain group is being tapped.



The result of the analysis found that there are eight factors that has significant relationship toward the result of tapping in the holding. The factors are perception of smallholders towards rubber holding as their main source of income, subsidised agricultural inputs, the future usage of the holding, agree to hire others to tap, the acreage of the rubber area developed, the number of owners, the distance between the holding and the house and other incomes beside rubber.

Meanwhile from the discrete variable simulations it was derived that small holders with the following characteristics ; main income is from rubber holding, holding being used for other purposes, joining the group tapping and being subsidised with agricultural input almost confirmed that their holding tapped. While small holders with the following characteristics ; main income is not from rubber holding, holding remain planted with rubber, not joining the group tapping and do not get the subsidised agricultural inputs confirmed that their rubber were not tapped.

To overcome the tapping problem in the rubber small holdings , the relevant authority that is responsible in the development of the rubber small holdings such as RISDA is urged to promote the small holders to join the group tapping activities. Their main target group will be the smallholders whose rubber holding is not their main source of income, lived near the holding and who developed a large area of their rubber holding.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **Industri Getah Di Malaysia**


Getah masih merupakan satu daripada tanaman utama di Malaysia. Walau pun keluasan tanamannya menurun sebanyak 1.5% setahun dari tahun 1990 hingga 1996, pada tahun 1995 ia masih menggunakan 29.4% daripada jumlah kawasan pertanian negara iaitu di tempat kedua selepas kelapa sawit (Malaysia, 1996). Pada tahun 1996, getah menyumbangkan 1.8% daripada eksport negara iaitu bernilai RM3,509 juta. Berbanding dengan eksport getah pada tahun 1995, ia menunjukkan penurunan sebanyak 16.1% (Kementerian Kewangan Malaysia, 1997). Mengikut jangkaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, eksport getah akan menurun kerana pengeluaran getah dijangka merosot pada kadar 1.7% setahun sedangkan penggunaan tempatan tumbuh pada kadar 14.4% setahun (Malaysia, 1996).

Sebelum tahun 1991, Malaysia adalah negara pengeluar dan pengeksport getah asli terbesar di dunia. Oleh kerana kemerosotan pengeluaran di Malaysia diikuti dengan perkembangan pesat sektor getah asli di negara-negara Thailand dan Indonesia, Malaysia telah kehilangan kedudukan tersebut. Walau bagaimanapun



pada tahun 1992 Malaysia masih dapat menyumbang sebanyak 20.9% daripada pengeluaran getah asli dunia, iaitu ketiga terbesar selepas Thailand, 27.3% dan Indonesia, 24.8%. Ia juga merupakan negara pengeksport getah asli ketiga terbesar di dunia dengan eksport bersih bernilai RM 2,206.9 juta dan kuantiti sebanyak 939.1 ribu tan atau 23% daripada jumlah eksport getah asli dunia (Malaysia, 1994). Eksport bersih yang dimaksudkan tadi adalah perbezaan antara eksport sebenar sebanyak 1.035 juta tan bernilai RM 2,357.2 juta dengan import sebanyak 95.9 ribu tan bernilai RM 150.3 juta.

Kemerosotan pengeluaran getah di Malaysia berlaku di antaranya disebabkan oleh pertukaran tanaman kepada kelapa sawit secara besar-besaran berlaku dari awal tahun tujuh puluhan hingga keakhir tahun lapan puluhan dan diikuti dengan pembangunan pesat dari segi pertumbuhan dan perubahan struktur ke arah satu negara perindustrian sejak akhir tahun-tahun tujuh puluhan. Perkembangan semasa juga telah memperlihatkan ladang-ladang dan kebun-kebun getah bertukar menjadi kawasan perumahan, perindustrian dan bandar-bandar baru. Senario ini telah mengakibatkan keluasan tanaman getah semakin berkurang setiap tahun. Di samping itu sektor ini telah mengalami kekurangan buruh, peningkatan kos pembangunan tanah dan peningkatan upah untuk operasi-operasi penting di ladang. Keadaan sedemikian telah mengurangkan daya saing (kemampuan untuk mengeluarkan getah asli dengan kos yang setanding dengan negara-negara pengeluar yang lain yang mampu menjual dengan harga yang lebih rendah bagi merebut pasaran antarabangsa), yang mengakibatkan kurangnya sumbangan eksport getah asli serta mengurangkan pertumbuhan keseluruhan sektor ini.



Petunjuk :

1. Thailand 27.3%
2. Indonesia 24.8%
3. Malaysia 20.9%
4. Lain-lain termasuk Vietnam 2.0%, Sri Langka 1.9%, Kampuchea 0.5%, Bahagian Lain di Asia dan Oceania 9.5% dan Bahagian Lain Dunia 6.3%.
5. India 6.8%

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1994)

**Rajah 1 : Carta Pengeluaran Getah Asli Dunia, 1992**

Meskipun demikian, semua perkembangan yang telah berlaku tidak akan menjadikan industri pengeluaran getah asli di Malaysia diabaikan. Malah kerajaan Malaysia telah menyemak kembali Dasar Pertanian Negara untuk mencetuskan strategi baru di mana pengeluaran getah asli akan dihubungkan dengan pertumbuhan masa hadapan sektor pembuatan (Malaysia, 1993). Ini jelas termaktub dalam kenyataan dasar, Dasar Pertanian Negara (1992 - 2010). Keluasan tanaman getah akan terus berkurangan hingga ke paras minima. Pengeluaran telah merosot pada kadar 3.0% setahun dalam Rancangan Malaysia Keenam dan dijangka merosot dengan kadar 1.7% dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (tahun 1996 - 2000) namun usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan produktiviti melalui penyatuan kebun-kebun kecil getah serta pelaksanaan sistem torehan berkekerapan rendah. Aktiviti penanaman semula akan menggunakan klon balak-lateks dan dilaksanakan secara usahasama dengan sektor swasta. Pemindahan teknologi baru dan teknologi yang telah ditingkatkan kepada pekebun kecil akan dipastikan berjaya dengan pelaksanaan program khidmat pengembangan yang lebih berkesan (Malaysia, 1996). Usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan yang memberi penekanan kepada mekanisasi dalam operasi-operasi utama perladangan akan dipertingkatkan (Malaysia, 1993). Pengekalan paras pengeluaran getah asli negara memang penting sekalipun kebelakangan ini eksport terus merosot setiap tahun, tetapi penggunaan tempatan terhadap getah asli berterusan meningkat (lihat Jadual 1).

**Jadual 1**  
**Urusniaga Getah Asli Malaysia ('000 Tan)**

Tahun	Inport	eksport	Penggunaan Tempatan
1972	33.80	1,365.00	22.70
1973	48.00	1,638.70	25.70
1974	39.20	1,569.30	28.40
1975	35.40	1,459.80	30.60
1976	40.20	1,620.10	33.50
1977	47.30	1,654.10	37.20
1978	49.10	1,614.00	38.60
1979	41.00	1,650.50	40.40
1980	44.30	1,526.20	45.40
1981	30.00	1,485.30	47.40
1982	23.30	1,378.10	59.10
1983	25.00	1,563.00	65.20
1984	62.00	1,588.50	65.90
1985	31.50	1,496.90	69.60
1986	31.00	1,516.10	70.90
1987	42.20	1,620.30	82.50
1988	46.70	1,610.60	103.50
1989	122.30	1,487.10	121.80
1990	136.20	1,321.70	183.50
1991	90.60	1,131.90	216.10
1992	95.90	1,035.00	248.70
1993	167.30	937.10	268.60
1994	235.00	1,017.00	292.20
1995	235.80	1,013.40	327.40
1996	270.50	980.30	357.40

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1982, 1992, 1994, 1996, 1997)

Jadual 2

## Keluasan Tanaman Getah Malaysia Mengikut Sektor ('000 Hektar)

Tahun	Jumlah (Hektar)	Estet		Pekebun Kecil	
		Hektar	%	Hektar	%
1986	1,912.0	399.3	21	1,512.7	79
1987	1,881.3	381.5	20	1,499.8	80
1988	1,865.8	371.1	20	1,494.7	80
1989	1,849.0	361.0	20	1,488.0	80
1990	1,836.7	348.7	19	1,488.0	81
1991	1,818.7	333.4	18	1,485.3	82
1992	1,800.8	322.6	18	1,478.2	82
1993	1,781.2	311.5	17	1,469.7	83
1994	1,721.9	282.0	16	1,439.9	84
1995	1,726.9	270.5	16	1,456.4	84
1996	1,672.5	247.8	15	1,424.7	85
1997 <sup>a</sup>	1,663.4	240.8	14	1,422.6	86

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (1994)  
Kementerian Perusahaan Utama Malaysia (1996)  
Kementerian Kewangan Malaysia (1997)

<sup>a</sup> Anggaran



### Ciri-ciri Dualisme

Industri getah, seperti industri tanaman eksport yang lain di negara ini, mempunyai ciri dualisme. Ia terbahagi kepada dua sektor iaitu estet dan pekebun kecil. Pekebun kecil adalah pemilik tanah yang mempunyai keluasan kurang daripada 40.5 hektar, termasuklah pekebun-pekebun kecil tradisi dan peserta-peserta rancangan tanah kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan Rancangan Tanah Pinggir. Pada tahun 1996, pekebun kecil menguasai 85% daripada kawasan tanaman getah di seluruh negara dan bakinya 15% adalah estet. Dalam tahun 1997 penguasaan pekebun kecil dijangka meningkat kepada 86%. Ini disebabkan pengurangan keluasan estet dengan kadar 2.8% berbanding pengurangan kawasan pekebun kecil sebanyak 0.1% sahaja. Jadual 2 menunjukkan keluasan tanaman getah dan peratusan bahagian pekebun kecil dan estet dari tahun 1986 hingga 1997. Kedudukan ini menggambarkan betapa pentingnya sektor pekebun kecil dalam industri pengeluaran getah asli di Malaysia. Walaupun perkembangan keluasannya menurun sebagaimana menurunnya jumlah keseluruhan kawasan, namun bahagian sumbangannya menunjukkan peningkatan iaitu dari 79% pada tahun 1983 kepada 86% pada tahun 1997.

Dari segi pengeluaran, pada tahun 1996, pekebun kecil menyumbangkan 78% daripada jumlah keluaran getah asli negara berbanding dengan 22% oleh estet. Bagi tahun 1997 pula, pekebun kecil dijangka memberi sumbangan dengan kadar yang sama (Jadual 3). Bahagian sumbangan pekebun kecil meningkat dari 68% pada